

PERBEZAAN DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN KENDIRI IDEAL (PART 1)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

1. PENGENALAN

Terdapat beberapa definisi di dalam mengenali apakah konsep sendiri itu terhadap seseorang. Akhirnya pengertian merumuskan bahawa sendiri merupakan suatu anggapan diri terhadap diri; atau anggapan orang lain terhadap diri; atau bagaimana kita sendiri menerima diri kita seadanya.

Nampaknya pengertian konsep sendiri ini memerlukan pemecahan klasifikasi yang dapat menjelaskan maksudnya yang perlu dilihat daripada aspek yang berbeza. Setiap aspek mempunyai fungsi tersendiri dan setiap aspek itu juga lahir daripada corak pengaruh serta rasional diri yang berbeza.

Seseorang individu ditekankan untuk mengenali dirinya secara luaran mahupun dalaman. Setelah mengenali, perlulah dia faham bahawa perlunya menerima apa yang ada pada diri dengan seadanya.

Beberapa persoalan umum timbul. Di antaranya adalah, melalui pemahaman konsep sendiri dari suatu sudut sahaja membuatkan kita melihat seolah-olah prinsip penerimaan terhadap diri seseorang itu menyekat usaha untuk meningkatkannya atau terkongkong sekadar menerima sendiri seadanya, sedangkan sendiri adalah sesuatu yang tidak statik sifatnya. Ia sentiasa berubah mengikut faktor-faktor persekitaran dan corak pemikiran seseorang bahkan perlu mengalami peningkatan dan perubahan sendiri kepada yang lebih baik dan unggul.

Kemungkinan yang negatif juga timbul akibat pemahaman yang tersekat pada pembahagian konsep sendiri yang satu. Akibatnya, untuk mendapat konsep Kendiri Sebenar

yang baik, kita akan berkemungkinan mengambil langkah hipokrit semata-mata untuk mewujudkan konsep Kendiri Sebenar yang positif. Konsep Kendiri yang sejati bukanlah daripada hipokrit atau pernyataan palsu pada diri. Akan tetapi berupa kreativiti kita mengkonsepsi tentang diri.

CONTINUE...